

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 MARCH 2015

Kerajaan pelbagai sumber pendapatan

UM - 21/3/2015

KUALA LUMPUR 20 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan telah mempelbagaikan sumber pendapatan negara dalam menghadapi cabaran ekonomi dunia yang turut memberi kesan kepada negara.

Kata beliau, selain minyak, kerajaan telah banyak membuat pelaburan dan membantu meningkatkan produktiviti ekonomi serta peranan yang dimainkan oleh sektor swasta supaya negara tidak terlalu bergantung kepada dana asing buat masa panjang.

"Kadar kenaikan hutang isi rumah juga telah turun sejak tahun 2010. Nilai ringgit dijangka pulih apabila harga minyak kembali stabil dan sumber pendapatan negara di sektor-sektor lain terus menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

"Kesimpulannya, asas ekonomi negara telah mengalami proses pengukuhan sejak beberapa tahun ini membuatkan kita terus berdaya tahan walaupun diasak oleh faktor luaran," katanya dalam rakaman siaran radio yang dipetik menerusi blog beliau, www.najibrazak.com, hari ini.

Perdana Menteri berkata, cabaran ekonomi yang sedang



Selain itu pendapatan negara juga terjejas berikutan kejatuhan harga minyak lebih 50 peratus berbanding tahun lepas."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

dihadapi negara adalah berikutan beberapa faktor luaran di luar kawalan negara.

Jelas beliau, nilai dolar Amerika telah meningkat dengan mendadak, membuatkan nilai matawang kebanyakan negara di Asia jatuh.

"Selain itu pendapatan negara juga terjejas berikutan kejatuhan harga minyak lebih 50 peratus berbanding tahun lepas.

"Namun faktor-faktor yang mampu dikawal telah pun ditangani oleh kerajaan. Antaranya, kerajaan telah mempelbagaikan sumber pendapatan negara," katanya.